Dana BNM untuk PKS

Kemudahan Permodalan Semula Perniagaan

Soalan Lazim

Kemudahan Permodalan Semula Perniagaan (*Business Recapitalisation Facility*, BRF)		
No.	**Soalan**	**Jawapan**
1.	Apakah itu BRF?	BRF merupakan kemudahan pembiayaan yang ditubuhkan oleh BNM yang bertujuan menyokong pertumbuhan PKS untuk pulih dan mengembangkan perniagaan serta mengawal tahap keberhutangan[1] mereka melalui penyelesaian pembiayaan yang lebih inovatif. Di bawah BRF, PKS boleh mendapatkan: • Pembiayaan ekuiti melalui terbitan saham keutamaan, saham biasa, atau sebarang instrumen mirip ekuiti yang sesuai; atau • Gabungan antara pembiayaan hutang daripada institusi kewangan peserta (IKP) dan pembiayaan ekuiti melalui pembiaya ekuiti pihak ketiga (kewangan campuran). *Nota: Pembiayaan tidak boleh digunakan untuk pembiayaan semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada*
2.	Siapakah yang layak memohon BRF?	PKS Malaysia[2] termasuk perusahaan mikro yang berdaya maju daripada semua sektor ekonomi termasuk penerima dana BNM sedia ada.
3.	Apakah projek/aktiviti yang layak mendapat pembiayaan di bawah BRF?	Tujuan pembiayaan BRF adalah untuk: • Modal kerja; dan/atau • Modal perbelanjaan. *Nota: Pembiayaan tidak boleh digunakan untuk pembiayaan semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada*
4.	Berapakah amaun dan tempoh pembiayaan maksimum untuk PKS di bawah BRF?	• Setiap PKS yang layak akan mendapat pembiayaan hingga RM5 juta bagi setiap PKS[3]. • Tempoh pembiayaan hingga 10 tahun.

[1] Tahap keberhutangan ini merujuk penambahbaikan struktur modal PKS terutamanya PKS yang ingin membuat perbelanjaan modal bagi menghasilkan hutang kepada ekuiti (*debt to equity*) yang lebih terurus untuk PKS tersebut selepas menggunakan BRF.

[2] Sekurang-kurangnya 51% saham dipegang oleh rakyat Malaysia dan seperti yang ditakrifkan oleh Garis Panduan bagi Definisi PKS yang disediakan oleh SME Corp. Malaysia. Garis panduan ini boleh diakses melalui: www.smecorp.gov.my/images/pdf/2020/Garis_Panduan_DefinisiPKS_dikemaskini.pdf

[3] Di bawah pilihan pembiayaan campuran, PKS boleh mendapatkan gabungan pembiayaan melebihi RM5 juta daripada institusi kewangan peserta dan pembiaya ekuiti pihak ketiga.

5.	Berapakah kadar pembiayaan di bawah BRF?	• Pembiayaan hutang: Kadar efektif maksimum ialah 5.0% setahun, termasuk fi jaminan atau 3.5% setahun bagi pembiayaan tanpa jaminan. • Pembiayaan ekuiti: Tiada had kadar keuntungan untuk pelaburan ekuiti.
6.	Bank manakah yang menawarkan pembiayaan di bawah BRF?	PKS yang layak boleh memohon terus dengan institusi kewangan peserta yang terdiri daripada bank perdagangan, bank-bank Islam dan institusi kewangan pembangunan yang dikawal selia oleh BNM.
7.	Bagaimanakah PKS boleh mengenal pasti sama ada mereka layak memohon pembiayaan di bawah BRF?	PKS yang layak dinasihati supaya menghubungi institusi kewangan peserta untuk memastikan kelayakan mereka di bawah kemudahan tersebut. Semua permohonan untuk pembiayaan akan tertakluk pada penilaian oleh institusi kewangan peserta dan pembiaya ekuiti pihak ketiga yang berkaitan.
8.	Adakah BRF terbuka kepada pelanggan sedia ada institusi kewangan peserta sahaja?	Tidak, BRF terbuka kepada pelanggan institusi kewangan peserta baharu dan sedia ada selagi pelanggan tersebut merupakan PKS Malaysia yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh BNM serta memenuhi penilaian kredit oleh institusi kewangan peserta dan pembiaya ekuiti pihak ketiga yang berkaitan.
9.	Adakah PKS perlu menyediakan cagaran untuk mendapatkan pembiayaan di bawah BRF?	Tidak. Cagaran TIDAK diperlukan di bawah BRF.
10.	Jika perniagaan saya tidak layak untuk memohon BRF, apakah bantuan lain yang tersedia untuk saya?	• PKS yang menghadapi kesukaran bayaran balik pinjaman/pembiayaan dinasihati supaya menghubungi institusi kewangan masing-masing untuk penjadualan semula dan penstrukturan semula (R&R) kemudahan sedia ada bagi membantu mengurangkan masalah aliran tunai perniagaan masing-masing. • PKS yang tidak layak untuk BRF boleh memohon pembiayaan daripada kemudahan lain di bawah Dana BNM untuk PKS (cth, Kemudahan Semua Sektor Ekonomi, Kemudahan Agromakanan, Kemudahan Perusahaan Mikro, Pembiayaan Pelancongan PENJANA, Automasi PKS dan Kemudahan Pendigitalan, Kemudahan Teknologi Tinggi – Aspirasi Pelaburan Nasional atau Kemudahan Peralihan Karbon Rendah), atau produk pembiayaan lain untuk PKS yang ditawarkan oleh institusi kewangan. PKS juga boleh memohon

		melalui platform imSME (imsme.com.my). Kelulusan untuk pembiayaan di bawah kemudahan yang tersenarai di atas adalah tertakluk pada kriteria kelayakan dan penilaian khusus oleh institusi kewangan peserta. • Selain itu, mereka boleh mendapatkan khidmat nasihat pembiayaan melalui MyKNP (Khidmat Nasihat Pembiayaan) yang menyediakan bantuan khidmat nasihat dan panduan untuk meningkatkan kelayakan untuk pembiayaan masa hadapan dan sumber kewangan alternatif melalui myknp.com.my.
11.	Apakah yang boleh dilakukan oleh PKS jika permohonan pembiayaan di bawah mana-mana kemudahan ditolak oleh institusi kewangan peserta?	Jika permohonan ditolak, PKS dinasihati supaya: a) Mendapatkan penjelasan daripada institusi kewangan peserta berkenaan sebab-sebab permohonan mereka ditolak; b) Mempertimbangkan untuk membuat permohonan semula melalui platform imSME (imsme.com.my) jika PKS belum lagi berbuat demikian; c) Mendapatkan khidmat nasihat pembiayaan melalui MyKNP yang menyediakan bantuan khidmat nasihat dan panduan untuk meningkatkan kelayakan pembiayaan masa hadapan dan sumber pembiayaan alternatif melalui myknp.com.my; atau d) Mengemukakan pertanyaan atau aduan kepada BNM melalui eLINK.
12.	Bilakah BRF akan disediakan?	Kemudahan ini akan disediakan mulai 3 Februari 2022 sehingga peruntukan digunakan sepenuhnya.